



## SPA tidak diskriminasi kaum dalam melantik penjawat awam

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim - Februari 14, 2023 @ 5:51pm  
mohd\_iskandar@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) menegaskan tiada diskriminasi kaum dalam urusan pengambilan penjawat awam di negara ini kerana pelantikan dibuat berdasarkan merit dan kompetensi calon.

SPA menerusi satu kenyataan hari ini memaklumkan, semua warganegara Malaysia mempunyai peluang yang sama untuk dipertimbangkan dalam persaingan terbuka dan adil.

Katanya, SPA tidak menetapkan sebarang kuota untuk suatu kaum atau etnik tertentu bagi pelantikan semua jawatan dalam perkhidmatan awam.

"Calon yang berminat dan berkelayakan boleh memohon jawatan secara dalam talian melalui Sistem Pendaftaran Pekerjaan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA9) dan calon yang memenuhi syarat lantikan skim perkhidmatan bagi jawatan yang kosong akan dipanggil menduduki Penilaian Memasuki Perkhidmatan Awam (PSEE).

"Calon yang melepas PSEE akan melalui tapisan peringkat seterusnya seperti Ujian Pemeriksaan Fizikal, Pancaindera dan Kecergasan (UFPK) atau Ujian Kecergasan dan Jasmani Kebangsaan (UKJK), Profession Assessment Centre (PAC) dan temu duga sebelum dilantik," katanya.

Menurut kenyataan itu, tapisan dilaksanakan SPA dibuat oleh panel penilai bertauliah dan terlatih yang mahir menilai keupayaan fizikal, prestasi dan potensi setiap individu secara objektif.

Selain itu, SPA sentiasa menjalin kerjasama strategik dengan agensi menguruskan hal ehwal masyarakat tertentu seperti Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA), Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), institusi pengajian tinggi dan badan bukan kerajaan (NGO).

"Inisiatif berterusan oleh SPA seperti Program Libat Urus, Hari Kerjaya, Hari Bertemu Pelanggan dan program 'outreach' disasarkan untuk meningkatkan kefahaman masyarakat di Semenanjung, Sabah dan Sarawak terhadap tata kelola pengambilan SPA dan memberi panduan serta menggalakkan masyarakat pelbagai kaum untuk menyertai perkhidmatan awam.

"Jalinan kerjasama dan program outreach ini sekali gus meningkatkan kefahaman masyarakat mengenai ketelusan proses pengambilan dan pemilihan calon berdasarkan merit dan kompetensi," katanya.

Katanya, SPA turut sentiasa ke hadapan dalam melaksanakan reformasi pemilihan bakat terbaik dengan menaik taraf sistem permohonan pekerjaan.

"Teknologi kecerdasan buatan diaplikasikan bagi mengurangkan intervensi manusia dalam mengenal pasti calon yang memenuhi syarat skim perkhidmatan dan keperluan ketua perkhidmatan.

"Selain itu, ujian psikometrik secara dalam talian dilaksanakan bagi mengukur kecenderungan, ciri personaliti, kesesuaian dan integriti calon dengan jawatan yang ditawarkan," katanya.

Temu duga secara maya turut dilaksanakan untuk memberi peluang kepada calon menghadiri temu duga SPA walau di mana lokasi calon berada.

Sebelum diperakuan untuk dilantik, calon perlu melepas tapisan integriti melalui sistem yang diintegrasikan dengan maklumat Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Insolvensi Malaysia, Suruhanjaya Pencegahan Rasuh Malaysia (SPRM), Jabatan Pendaftaran Negara, Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Timbalan Ketua Menteri II Pulau Pinang, P Ramasamy baru-baru ini dilaporkan berkata, hujah lama yang memihak kepada penguasaan orang Melayu dalam perkhidmatan awam untuk mengimbangi penguasaan ekonomi bangsa Cina, tidak lagi terpakai.

Sehubungan itu, beliau menggesa Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim supaya mereformasikan perkhidmatan awam yang didakwanya didominasi oleh orang Melayu dan dasar itu dilaksanakan pada era kepimpinan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.